

TEKS UCAPAN

Y.BHG. PROF. DATUK WIRA DR. RAHA ABDUL RAHIM

NAIB CANSELOR UTeM

AGM PRAKTIS KE 13, 2020

28 JANUARI 2020 (JUMAAT), 3.00 PETANG, AUDITORIUM CANSELORI

Terima kasih Saudari Pengacara Majlis

Bismillahir Rahmanirrahim, Assalaamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Yang Berusaha Encik Masdzarif bin Mahat

Ketua Pegawai Operasi

Yang Berusaha En Khairul bin Taib

Bendahari

Yang Berusaha En Mohd Isa bin Mohd Dom

Ketua Pegawai Maklumat

Yang Berbahagia Datuk Azhar bin Mohamed

Penasihat Undang-undang

Yang Berusaha Encik Sahnizam Maamin

Presiden PRAKTIS

Tuan-Tuan, Puan-Puan, hadirin hadirat yang dihormati
sekalian.

1. Pertama sekali, saya ingin panjatkan setinggi-tinggi kesyukuran kehadiran Allah SWT yang telah mengizinkan kita untuk berhimpun pada petang ini bersempena dengan Mesyuarat Agung Persatuan Pegawai Tadbir dan Ikhtisas atau PRAKTIS bagi tahun 2020.
2. Sebelum ini, saya telahpun turun padang untuk berinteraksi dengan warga KEKUTeM dan UTeMASA, dan pada petang ini adalah giliran saya sendiri untuk bersemuka dengan semua warga PRAKTIS.

3. Saya difahamkan keahlian PRAKTIS adalah secara automatik, bagi pelbagai jawatan pentadbiran dan ikhtisas, gred 41 dan ke atas. Sehingga kini jumlah keahlian PRAKTIS adalah seramai 212 orang.

4. Pada pandangan saya, peraturan untuk mewajibkan semua yang terlibat menjadi ahli persatuan merupakan tindakan yang patut dicontohi oleh persatuan lain, kerana tanpa ketetapan sebegini, berkemungkinan keluarga PRAKTIS tidaklah sebesar dan semeriah seperti yang ada di depan saya ini.

5. Saya yakin, melalui platform persatuan inilah kita dapat mengukuhkan lagi ukhwah, saling mengenali antara satu sama lain, apatah lagi tuan-tuan dan puan-puan semua merupakan tunjang utama dalam sistem pentadbiran di universiti ini.

Tuan-Tuan dan puan-puan,

6. Sebagai seorang pentadbir Universiti, amanah dan tanggungjawab yang diberikan pastinya amat besar, tidak kiralah sama ada penempatan tuan-tuan di Fakulti, Pejabat Pendaftar, Pejabat Bendahari, Pejabat Pembangunan mahupun di lain-lain PTj.
7. Setiap tugas yang diberikan pastinya mempunyai cabaran tersendiri, dan perlu dilaksanakan sehabis baik bagi memastikan output yang dihasilkan dapat memenuhi kehendak semua pihak.

MASUK SLIDE

Tuan-Tuan dan Puan- Puan Sekalian,

8. Anda semua merupakan pentadbir yang amat penting bagi memastikan kelancaran semua proses pengurusan dan pentadbiran di Universiti ini, tidak kiralah dalam aspek pengurusan sumber manusia, kewangan, perundangan, pembangunan sistem, pembangunan universiti, hal ehwal pelajar dan sebagainya.

9. Seperti dalam aspirasi Universiti: “we want our staff to be well trained and robust”.

10. Hasrat Universiti ini bukan sahaja menginginkan seorang pentadbir yang efektif, namun yang lebih penting adalah seorang ketua (leader) yang dapat memimpin dan meneruskan kesinambungan kecemerlangan ekosistem pengurusan dan pentadbiran di universiti ini.

11. Sebelum mengakhiri ucapan, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk berpesan kepada semua, walaupun kita terlibat secara aktif dalam aktiviti persatuan, janganlah kita sesekali lalai dalam melunaskan tanggungjawab utama kita terhadap Universiti ini.
12. Setiap daripada kita mempunyai tugas hakiki yang perlu diberikan keutamaan dan ditunaikan.
13. Akhir kata, saya mendoakan agar mesyuarat agung ini berjalan dengan lancar dan jayanya.

Pohon mengkudu tinggi melampai,
Akar tetulang panjang bersilang,
Mesyuarat bersidang matlamat dicapai,
Solusi ideal, warga cemerlang.

14. Oleh itu, dengan lafaz bismillahirrahmanirrahim, saya merasmikan Mesyuarat Agung Persatuan Pegawai Tadbir dan Ikhtisas bagu tahun 2020. Sekian, terima kasih.